

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.4 (100)

29 Julai 2026
14 Safar 1448

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 37/2026

PELAKSANAAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LPPT) STAF AKADEMIK VERSI 3.0 BAGI TAHUN PENILAIAN 2026

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Khas Bil. 1/2026 yang bersidang pada 13 Julai 2026 telah meluluskan pelaksanaan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT) Staf Akademik Versi 3.0 bagi tahun penilaian 2026.

2. Pelaksanaan LPPT Versi 3.0 merupakan inisiatif penambahbaikan sistem penilaian prestasi staf akademik bagi mewujudkan kaedah penilaian yang lebih **fleksibel, dinamik dan inklusif** selaras dengan pelaksanaan MyPerformance serta Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

3. Perubahan-perubahan dalam LPPT Versi 3.0 berbanding versi sebelum ini adalah seperti berikut:

- a) Pemansuhan sistem pemilihan Major LPPT. Semua staf akademik akan dinilai menggunakan satu kaedah penilaian prestasi yang standard;
- b) Penambahbaikan rubrik penilaian dan kaedah pengiraan markah bagi komponen penyelidikan agar lebih mudah, jelas dan bersesuaian dengan keperluan semasa universiti;
- c) Penyesuaian komponen penilaian dan pemberat wajaran supaya sejajar dengan pelaksanaan MyPerformance serta Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA); dan
- d) Pelaksanaan komponen penilaian yang lebih menyeluruh meliputi Sasaran Kerja Utama (SKU), Kompetensi Fungsian (KF), Kompetensi Tingkah Laku (KTL), Nilai Sepunya (NS), Penglibatan dan Sumbangan (PS) serta *Continuous Professional Development* (CPD).

4. Struktur komponen penilaian LPPT Versi 3.0 adalah berasaskan dua (2) elemen utama iaitu Teras Utama (70%) dan Teras Umum (30%) sebagaimana diperincikan dalam Lampiran.

5. Sehubungan dengan itu, seluruh warga UTM hendaklah mengambil maklum dan mematuhi pelaksanaan penilaian prestasi berdasarkan ketetapan LPPT Versi 3.0 bagi tahun penilaian 2026. Panduan pelaksanaan, kaedah penilaian, rubrik pemarkahan serta maklumat lanjut akan diperincikan dalam taklimat dan dokumen berkaitan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. MOHD SHARIF BIN ABDULLAH)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

Komponen dan Pemberat Wajaran Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT V3.0)

	ELEMEN	STAF AKADEMIK		PENTADBIR AKADEMIK		
		KOMPONEN	WAJARAN	KOMPONEN	WAJARAN	
					TIER 3 / 4	TIER 5 / 6
TERAS UTAMA	SASARAN KERJA UTAMA (SKU) <i>Komponen 7P wajib – wajaran perlu ditetapkan oleh Universiti bagi setiap komponen</i>	1. Penyelidikan Wajib	15%	1. Penyelidikan Wajib	5%	10%
		2. Pengajaran Wajib	15%	2. Pengajaran Wajib	5%	10%
		3. Item Tambahan ; Pengajaran dan/atau Penyelidikan	20%	3. KAI Pentadbir	40%	30%
		Jumlah SKU	50%	Jumlah SKU	50%	50%
	KOMPETENSI FUNGSIAN (KF) <i>Komponen 7P pilihan – wajaran boleh ditetapkan oleh PYD (bagi setiap satu komponen atau gabungan mana-mana komponen) dengan persetujuan Ketua Jabatan/Dekan.</i>	1. KF1: Penglibatan Aktiviti Akademik, Penyelidikan & Pembangunan Pelajar; dan/atau	15%	1. KF1: Penglibatan Aktiviti Akademik, Penyelidikan & Pembangunan Pelajar; dan/atau	15%	15%
		2. KF2: Pasukan Kerja (<i>Task Force</i>) / Jawatankuasa Dalaman dan/atau		2. KF2: Pasukan Kerja (<i>Task Force</i>) / Jawatankuasa Dalaman dan/atau		
		3. KF3: Pasukan Kerja (<i>Task Force</i>) /Jawatankuasa Luaran ; dan/atau		3. KF3: Pasukan Kerja (<i>Task Force</i>) /Jawatankuasa Luaran ; dan/atau		
		4. KF4: Pengiktirafan dan Anugerah dan/atau		4. KF4: Pengiktirafan dan Anugerah dan/atau		
		5. KF5: Perundingan dan Pengkomersilan dan/atau		5. KF5: Perundingan dan Pengkomersilan dan/atau		
		6. KF6: Pentadbir Lantikan PTJ/Ahli Senat dan/atau		6. KF6: Pentadbir Lantikan PTJ/Ahli Senat dan/atau		
		7. KF7 : Jaringan		7. KF7 : Jaringan		
		KF8 : Keterlihatan dan Reputasi Institusi	5%	KF8 : Keterlihatan dan Reputasi Institusi	5%	5%
		Jumlah KF	20%	Jumlah KF	20%	20%
		Jumlah Teras Utama	70%	Jumlah Teras Utama	70%	70%
TERAS UMUM	KOMPETENSI TINGKAH LAKU (KTL)	Kualiti Peribadi	15%	Kualiti Peribadi	15%	15%
	NILAI SEPUNYA (NS)	Atribut ADAB		Atribut ADAB		
	PENGLIBATAN & SUMBANGAN (PS)	Penglibatan berimpak di Luar UTM selain tugas rasmi yang menyumbang nilai tambah kepada pembangunan diri, jabatan, masyarakat dan negara melalui sumbangan intelektual.	10%	Penglibatan berimpak di Luar UTM selain tugas rasmi yang menyumbang nilai tambah kepada pembangunan diri, jabatan, masyarakat dan negara melalui sumbangan intelektual.	10%	10%
	CPD	42 CPD setahun	5%	42 CPD setahun	5%	5%
		Jumlah Teras Umum	30%	Jumlah Teras Umum	30%	30%
		JUMLAH	100%	JUMLAH	100%	100%

Komponen dan Pemberat Wajaran Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT V3.0)

	ELEMEN	GURU BAHASA			PENSYARAH (GRED DS11) DI SPACEUTM		
		KOMPONEN	WAJARAN		KOMPONEN	WAJARAN	
			DG 9-10 (Min. 20 kredit)	DG 12-14 (Min. 16 kredit)		DS 11/13 (Min. 20 kredit) Non-GF	DS 13 (Min. 16 kredit) GF
TERAS UTAMA	SASARAN KERJA UTAMA (SKU) <i>Komponen 7P wajib – wajaran perlu ditetapkan oleh Universiti bagi setiap komponen</i>	1. Pengajaran Wajib	60%	60%	1. Pengajaran Wajib	55%	55%
		2. Item Tambahan : Pengajaran	5%	10%	2. Penyelidikan Wajib		4%
					3. Item Tambahan; Pengajaran dan/atau Penyelidikan	10%	6%
		Jumlah SKU	65%	60%	Jumlah SKU	65%	65%
	KOMPETENSI FUNGSIAAN (KF) <i>Komponen 8P pilihan – wajaran boleh ditetapkan oleh PYD (bagi setiap satu komponen atau gabungan mana-mana komponen) dengan persetujuan Ketua Jabatan/Dekan.</i>	1. KF1 : Penglibatan Aktiviti Akademik, Penyelidikan & Pembangunan Pelajar; dan/atau			1. KF1 : Penglibatan Aktiviti Akademik, Penyelidikan & Pembangunan Pelajar; dan/atau		
		2. KF2 : Pasukan Kerja (Task Force)/ Jawatankuasa Dalam dan/atau			2. KF2 : Pasukan Kerja (Task Force)/ Jawatankuasa Dalam dan/atau		
		3. KF3 : Pasukan Kerja (Task Force) /Jawatankuasa Luaran ; dan/atau			3. KF3 : Pasukan Kerja (Task Force) /Jawatankuasa Luaran ; dan/atau		
		4. KF4 : Pengiktirafan dan Anugerah dan/atau	5%	10%	4. KF4 : Pengiktirafan dan Anugerah dan/atau	5%	5%
		5. KF5 : Perundingan dan Pengkomersilan dan/atau			5. KF5 : Perundingan dan Pengkomersilan dan/atau		
		6. KF6 : Pentadbir Lantikan PTJ/Ahli Senat dan/atau			6. KF6 : Pentadbir Lantikan PTJ/Ahli Senat dan/atau		
		7. KF7 : Jaringan dan/atau			7. KF7 : Jaringan dan/atau		
		8. KF8 : Keterlihatan dan Reputasi Institusi			8. KF8 : Keterlihatan dan Reputasi Institusi		
		Jumlah KF	5%	10%	Jumlah KF	5%	5%
		Jumlah Teras Utama	70%	70%	Jumlah Teras Utama	70%	70%
TERAS UMUM	KOMPETENSI TINGKAH LAKU (KTL)	Kualiti Peribadi	15%	15%	Kualiti Peribadi	15%	15%
	NILAI SEPUNYA (NS)	Atribut ADAB			Atribut ADAB		
	PENGLIBATAN & SUMBANGAN (PS)	Penglibatan berimpak di Luar UTM selain tugas rasmi yang menyumbang nilai tambah kepada pembangunan diri, jabatan, masyarakat dan negara melalui sumbangan intelektual.	10%	10%	Penglibatan berimpak di Luar UTM selain tugas rasmi yang menyumbang nilai tambah kepada pembangunan diri, jabatan, masyarakat dan negara melalui sumbangan intelektual.	10%	10%
	CPD	42 CPD setahun	5%	5%	42 CPD setahun	5%	5%
		Jumlah Teras Umum	30%	30%	Jumlah Teras Umum	30%	30%
		JUMLAH	100%	100%	JUMLAH	100%	100%